

**SOALAN-SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2015**

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Siapakah yang layak untuk menerima pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% ini?	Pegawai yang layak untuk menerima pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% ini adalah sepertimana yang ditetapkan melalui perenggan 5, PP2/2015.
2.	Adakah jadual gaji di Lampiran A dan Lampiran B dalam PP2/2015 mengubah jadual gaji dan kadar KGT yang berkuat kuasa?	Tidak. Jadual gaji yang digunakan di Lampiran A dan Lampiran B dalam PP2/2015 adalah berdasarkan JGMM yang berkuat kuasa. Manakala kadar tetap 3% hanya terpakai kepada pegawai yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam PP2/2015.
3.	Apakah syarat-syarat bagi pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3%?	Syarat-syarat pemberian PGT di bawah pekeliling perkhidmatan ini adalah seperti yang dijelaskan melalui perenggan 9, PP2/2015.
4.	Mengapakah kadar 3% ditetapkan bagi pelaksanaan penambahbaikan kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan di bawah PP2/2015?	Penetapan kadar 3% ini adalah berdasarkan pengumuman oleh YAB PM pada MAPPA XIII pada 11 Mac 2013.
5.	Bagaimanakah sekiranya pengiraan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum di Lampiran A dan B PP2/2015, didapati kurang daripada kadar KGT sesuatu gred?	Tidak berbangkit perbandingan di antara kadar tetap 3% daripada gaji maksimum dengan kadar KGT bagi sesuatu gred kerana kadar tetap 3% dikira daripada gaji maksimum bagi sesuatu gred manakala kadar KGT pula telah pun ditetapkan berdasarkan PP1/2012.
6.	Mengapa kadar tetap 3% bagi pegawai di gred 11 lebih rendah daripada kadar KGT asal bagi gred tersebut?	Kadar tetap 3% adalah ditentukan daripada gaji maksimum dalam JGMM yang berkuat kuasa, manakala kadar KGT pula telah pun ditetapkan melalui PP1/2012.
7.	Adakah pegawai yang bersara paksa pada 1 Januari 2015 layak diberi PGT bagi tahun 2015?	Pegawai tidak layak diberikan PGT bagi tahun 2015 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada tahun tersebut. Hari terakhir perkhidmatan pegawai adalah pada 31 Disember 2014.

Bil.	Soalan	Jawapan
8.	Adakah PSM Jabatan perlu membuat pelarasan gaji bagi pegawai yang telah bersara pada 26 Mac 2015 dan belum menerima PGT?	<p>Ya, PSM hendaklah mengenal pasti pegawai yang telah bersara mulai 2 Januari 2015 dan membuat pelarasan ke atas gaji akhir pegawai berdasarkan peruntukan di bawah PP2/2015.</p> <p>PSM juga hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA bagi tujuan pelarasan pencen dan faedah persaraan.</p>
9.	Adakah pegawai yang berada di gaji maksimum dan dipinjamkan ke agensi Kerajaan layak menikmati kaedah pemberian PGT di bawah PP2/2015 dan perlukah gaji pegawai diselaraskan?	Pegawai yang dipinjamkan ke agensi Kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta yang berada di gaji maksimum atau menghampiri gaji maksimum atau gaji KUP boleh diberikan PGT secara isyarat di gaji hakiki pegawai.
10.	Adakah kadar tetap 3% ini akan digunakan pada tiap-tiap kali pemberian PGT bagi pegawai yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan?	<p>Ya.</p> <p>Amaun kadar tetap 3% ini tidak berubah dan diberi pada tiap-tiap kali pemberian PGT kepada pegawai yang berkelayakan.</p>
11.	Bagi pegawai yang dinaikkan pangkat, bagaimanakah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai?	Peraturan dan dasar berkaitan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat adalah tidak berubah dan tertakluk kepada PP14/2007 dan SPP9/2008.
12.	Sekiranya pegawai telah berada di gaji maksimum dan telah menerima pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3%, bagaimanakah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai, sama ada ada berdasarkan kadar tetap 3% atau KGT asal atau kaedah lain?	Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat adalah tidak berubah mengikut PP14/2007 dan SPP9/2008 iaitu mengikut KGT terakhir yang diterima di gred jawatan terdahulu.
13.	Adakah urusan PGT di bawah PP2/2015 mengubah kaedah pengiraan Elaun Memangku?	PGT di bawah PP2/2015 tidak mengubah kaedah pengiraan elaun memangku sepertimana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 dan surat edaran JPA.BK9S)134/2/8Jld.2(7) bertarikh 10 Mei 2012 kerana elaun memangku dikira berdasarkan KGT di gred jawatan yang dipangku.

SOALAN LAZIM PP 2/2015

Bil.	Soalan	Jawapan
14.	Adakah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 terpakai untuk pegawai <i>Contract of Service</i> ? Ini kerana berdasarkan P.U.(A) 1/2012, istilah pegawai termasuk pegawai lantikan secara kontrak. Adakah pegawai lantikan kontrak layak menikmati pergerakan gaji berasaskan kadar tetap 3% ini?	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 terpakai untuk pegawai <i>Contract of Service</i> . Pelaksanaan pemberian pergerakan gaji bagi pegawai <i>Contract of Service</i> yang sedang berkhidmat melibatkan pegawai-pegawai yang berada dalam keadaan di perenggan 5.1 dan 5.2, PP2/2015.
15.	Bagaimanakah sekiranya seseorang pegawai yang berada di gaji maksimum dikenakan tindakan tatatertib turun pangkat atau turun gaji?	Penetapan gaji pegawai yang berada di gaji maksimum adalah mengikut peraturan sedia ada iaitu P.U.(A) 435/2011 atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.